

TRAINING WORKSHOP ON ADVANCED USE OF NEUTRON IMAGING FOR RESEARCH AND APPLICATION (AUNIRA 23)

Asyraf Arif Abu Bakar & Dr. Khair'iah Yazid @ Khalid

Nuklear Malaysia, Bangi

Pada 30 Oktober sehingga 3 November 2023 yang lalu, dua pegawai penyelidik Agensi Nuklear Malaysia telah terpilih untuk menyertai latihan dan bengkel berkaitan pengimejan neutron anjuran *International Atomic Energy Agency* (IAEA). South African Nuclear Energy Corporation (NECSA) telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran AUNIRA 23. Seramai 40 orang yang terdiri daripada peserta dan pakar dalam bidang pengimejan neutron telah menghadiri bengkel tersebut.



Para peserta AUNIRA 23 dari pelbagai negara iaitu Algeria, Mesir, India, Indonesia, Iran, Mexico, Peru, Thailand, German, Switzerland, Afrika Selatan, Malaysia dan Nigeria.

Bengkel ini melibatkan pembentangan hasil penyelidikan para peserta, pembentangan oleh pakar bidang dan sesi perbincangan bagi tujuan penambahbaikan. Objektif utama bengkel ini adalah untuk menyumbang kepada peningkatan pengetahuan saintifik dan teknologi, inovasi dalam infrastruktur dan latihan sumber manusia dalam bidang pengimejan neutron. Antara topik perbincangan adalah :-

1. Prinsip radiografi neutron dan tomografi neutron.
2. Peralatan dan reka bentuk instrumen untuk pengimejan neutron.
3. Pengesan untuk pengimejan neutron.
4. Teknik pengimejan neutron yang canggih.
5. Aplikasi pengimejan neutron dalam penyelidikan, industri dan warisan budaya.
6. Kajian kursus e-pembelajaran IAEA tentang pengimejan neutron.
7. Laporan kemudahan: kemudahan sedia ada, baru dan yang dalam perancangan.



Asyraf Arif Abu Bakar (kiri) dan Dr. Khair'iah Yazid@Khalid (kanan) telah membentangkan hasil penyelidikan mereka yang berkaitan pengimejan neutron menggunakan reactor TRIGA PUSPATI.

Bengkel ini telah berjaya mencapai objektif, banyak input dan idea yang telah dikongsi oleh para peserta dan pakar bagi penambahbaikan dan masa depan penyelidikan dalam bidang pengimejan neutron. Akhir sekali, hubungan yang dibina antara wakil negara diperkukuhkan dalam bengkel ini dan membolehkan para peserta sentiasa berhubung bagi perkongsian teknologi dan pengalaman sepanjang menjalankan kajian penyelidikan berkaitan pengimejan neutron.